



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 68

2hb September 2024

No. 36

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 828)

NATIONAL LAND CODE
(Act 828)

No. 20477.

[Subseksyen 64(1)]

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 64(1)]

REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya, melalui Perizaban Tanah bagi Maksud Awam [*P.U. (B) 464/2018*] yang disiarkan dalam *Warta Persekutuan* pada 31 Julai 2018, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah merizabkan tanah Persekutuan yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam iaitu suatu tapak untuk kolam takungan banjir dan telah menetapkan bahawa Ketua Setiausaha Negara hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu:

Dan bahawasanya, didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]:

Dan bahawasanya, notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual bersama dengan butir-butir mengenai masa dan tempat di mana satu siasatan akan diadakan oleh Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, untuk mendengar mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu telah ditampakan mengikut peruntukan seksyen 433 Kanun Tanah Negara dan juga telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* sebagai P.U. (B) 578/2023 pada 27 Disember 2023:

Dan bahawasanya, terdapat suatu bantahan diterima terhadap cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual dan Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah bersetuju bahawa bantahan tersebut ditolak:

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara, sebagaimana yang diubah suai melalui Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Kanun Tanah Negara) 1974 [P.U. (A) 56/1974] dan diwakilkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Perwakilan Kuasa di bawah Seksyen 13 [P.U. (B) 108/2003], Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, membatalkan perizaban tanah yang diperihalkan dalam Jadual:

JADUAL

Daerah—Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bandar—Kuala Lumpur. Seksyen—87 A. No. Pelan—P.A. 1108721. No. Lot—20002. Luas—5.5251 hektar.

Bertarikh 9 Ogos 2024

[PTG/WP(S).100-2/17/2/6 Jld 15; PTGKL/11/BPRZ/2021/14(32)]

TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI
Pengerusi
Jawatankuasa Kerja Tanah
Wilayah Persekutuan

Whereas, by the Reservation of Land for Public Purpose [P.U. (B) 464/2018] published in the *Gazette* of the Federation on 31 July 2018, the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur has reserved the Federal land described in the Schedule for a public purpose of a site for flood impounding reservoir and has designated that the Chief Secretary to the Government shall have control of the reserved land:

And whereas, it now appears expedient to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur that the whole of the aforesaid reservation be revoked under section 64 of the National Land Code [Act 828]:

And whereas, notice of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule together with details of the time and place at which an enquiry would be held by the Land Administrator of the Federal Territory of Kuala Lumpur at the Office of Director of Lands and Mines of the Federal Territory of Kuala Lumpur, to hear any person desiring to object to such revocation was affixed in accordance with section 433 of the National Land Code and was also published in the *Gazette* of the Government of the Federation as P.U. (B) 578/2023 on 27 December 2023:

And whereas, there was an objection received to the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule and the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur has agreed that the objection is rejected:

Now therefore, in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code, as modified by the Federal Territory (Modification of National Land Code) Order 1974 [*P.U. (A) 56/1974*] and delegated by the Government of the Federation by the Delegation of Powers under Section 13 [*P.U. (B) 108/2003*], the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur revokes the reservation of the land described in the Schedule:

SCHEDULE

District—Federal Territory of Kuala Lumpur. Town—Kuala Lumpur. Section—87 A. Plan No.—P.A. 1108721. Lot No.—20002. Area—5.251 hectares.

Dated 9 August 2024

[PTG/WP(S).100-2/17/2/6 Jld 15; PTGKL/11/BPRZ/2021/14(32)]

TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI

Chairman

Land Executive Committee

Federal Territory

No. 20478.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran yang dinyatakan di bawah ini diakui telah hilang.

JADUAL

Mukim—Kuala Lumpur. No. Lot—27025. Jenis dan No. Hakmilik—Geran 9572. Luas—543 meter persegi.

Bertarikh 19 Ogos 2024
[PTGKL/16/HDHK/2024/395]

Pendaftar Hakmilik Tanah
Wilayah Persekutuan

